



**KENYATAAN MEDIA**  
ZAIRULSHAHFUDDIN ZAINAL ABIDIN  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ISLAMIC RELIEF MALAYSIA  
13 NOVEMBER 2017

---

**KERJASAMA ISLAMIC RELIEF, PULSE BANGLADESH BANTU 300,000 PELARIAN MYANMAR**

---

Islamic Relief (IR) bekerjasama dengan NGO tempatan yang beroperasi di Cox's Bazar bagi menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada ratusan ribu orang yang telah melarikan diri dari konflik di Myanmar ke negara jiran Bangladesh.

9 November lalu, IR mengumumkan PULSE Bangladesh sebagai rakan pelaksana pertama yang diluluskan oleh pihak berkuasa Bangladesh untuk memberi bantuan di Cox's Bazar.

Dengan jalinan kerjasama ini, IR dapat menghulurkan bantuan kecemasan untuk membantu 300,000 penerima manfaat dari 50,000 keluarga dalam tempoh beberapa minggu akan datang dengan bantuan bekalan makanan, tempat tinggal dan kit kebersihan.

Ketua Bahagian Asia Islamic Relief, Masud Siddique, berkata:

"Kami tidak dapat bertindak sehingga ke tahap ini tanpa sokongan orang ramai dan para penyumbang di seluruh dunia. Kami sangat bersyukur dan gembira dapat bekerjasama dengan PULSE Bangladesh sebagai rakan pelaksana yang berpengalaman menjalankan kerja-kerja kemanusiaan di Cox's Bazar. Selain itu, mereka juga sangat memahami keperluan para pelarian di sana. Kerjasama ini akan membantu kami meluaskan capaian penerima manfaat dalam krisis kemanusiaan yang menjadi isu dunia ini."

"Dalam tempoh beberapa bulan akan datang, kami akan mengenal pasti pelbagai lokasi di mana kami boleh bekerjasama dengan PULSE Bangladesh untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan kami, sambil membina kapasiti PULSE Bangladesh untuk menyampaikan bantuan dengan lebih berkesan di masa akan datang terutama dalam keadaan kecemasan seperti ini."

Selain PULSE Bangladesh, IR juga akan membayai beberapa pertubuhan bantuan kemanusiaan antarabangsa lain untuk menyampaikan bantuan kecemasan kepada pelarian-pelarian yang telah melarikan sejak Ogos 2017.

### **Mengenai Islamic Relief (IR)**

IR beroperasi di lebih daripada 30 buah negara di seluruh dunia yang memberi fokus bantuan jangka masa panjang dan pembangunan mampan untuk membantu masyarakat keluar dari kepompong kemiskinan dan bertindak menyelamatkan nyawa semasa krisis kemanusiaan.

Sejak beroperasi di Bangladesh pada tahun 1991, IR telah menyampaikan bantuan kecemasan serta projek pembangunan yang merangkumi tumpuan utama dalam membangunkan komuniti, membantu membangunkan diri dari kemiskinan dan melindungi diri semasa bencana alam. Projek-projek ini termasuklah projek perubahan iklim yang dibiaya oleh Kerajaan UK. Selama 26 tahun yang lalu, IR berdiri teguh di samping rakyat Bangladesh dan menyokong mereka melalui semua bencana utama seperti banjir, siklon dan kemarau.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

**MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704**

**CIMB ISLAMIC | 860 2073818**

**BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3**

**AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4**

**BANK RAKYAT | 11080 10000 35**

atau melalui :

**CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT**

**MOBILE APPS | IR Malaysia**

Ir. Hj. Zairulshahfuddin Zainal Abidin  
Ketua Pegawai Eksekutif, Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

**Dikeluarkan oleh,**

**Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W  
A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,  
Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Sis Zafirah  
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau  
emel: Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my